

# Projek SHS dijangka siap tahun ini tarik pelancong untuk terus kunjungi Sandakan

Oleh ROZZALIN HASHIM  
[rozzalin@newsabatimes.com.my](mailto:rozzalin@newsabatimes.com.my)

**SANDAKAN:** Pelancong dalam dan luar negara akan teruja untuk turut berkunjung ke bandar ini memandangkan projek Sandakan Harbour Square (SHS) yang siap sepenuhnya dalam pertengahan tahun ini turut menyaksikan sebuah pusat membeli-belah Sandakan Harbour Mall dan Four Points oleh Hotel Sheraton Sandakan akan dibuka secara rasmi sekali gus merancakkan kemeriahan bandar di tepi laut itu.

Sebagai menunjukkan rasa bangga dan kecintaan terhadap destinasi eko pelancongan yang sinonim dengan bandar berkenaan, Ireka Development Management Sdn Bhd dan ICSD Venterus Sdn Bhd dengan kerjasama Majlis Perbandaran Sandakan (MPS) akan mengajurkan satu Pertandingan Seni Arca.

Usaha dan inisiatif seumpama ini akan meningkatkan lagi status daerah Sandakan sebagai sebuah 'Bandaraya Alam Semulajadi' kerana melalui pertandingan tersebut tenfu menggalakkan masyarakat untuk melahirkan penghargaan kepada ekologi pelancongan yang ada di daerah ini.

Pertandingan yang menawarkan hadiah sehingga RM30,000 itu akan berperluan untuk melihat hasil seni arca ikonik sebenar yang mereka hasilkan.

Pihak pengajur terutamanya Ireka Development Management akan memiliki pemenang utama dan bentul arca sebenar bakal diletakkan di salah satu pusat utama pembangunan SHS.

Ketua Pegawai Eksekutif, Ireka Development Management, Lai Voon Hon, berkata, tujuan pertandingan ini selain melahirkan rasa bangga dan kecintaan terhadap eko pelancongan yang ada tetapi turut menggalakkan masyarakat melakuk sesuatu seni yang menggambarkan keunikan daerah mereka.

"Pertandingan ini sudah pun bermula

dari 1 Mac lepas sehingga 16 April ini. Kami akan menawarkan wang tunai dan hadiah-hadiah menarik kepada setiap pemenang di mana pemenang utama akan meraih hadiah wang tunai RM30,000 termasuk penginapan percuma di hotel," katanya kepada pemberita semasa sidang akhbar di SHS, di sini, kelmarin.

Hadir sama Pengurus Besar, Four Points oleh Sheraton Sandakan hotel, Syntio Camilleri; Pegawai Pembangunan dan Harta MPS, Vun Soon Chong dan Perunding Kerajaan dan Hal-Ehwal Awam Ireka Developments Management, Datu Thomas Lau Chi Keong.

Sementara itu, katanya, penyertaan adalah terbuka kepada seluruh rakyat Malaysia dan penyertaan yang mereka kemukakan berbentuk seni lakaran ini boleh dibuat melalui pos atau dengan menghantarnya sendiri ke alamat pengejola pertandingan itu.

Dalam pada itu, Lai memberitahu pihaknya telah memperuntukkan kira-kira RM100,000 untuk rekabentuk dan membina satu arca ikonik sempena pertandingan itu.

Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan penghargaan dan kesukuran mereka kepada masyarakat terutamanya MPS yang terus memberikan sokongan sejak bermulanya pembinaan projek SHS

yang akan menjadi mercu tanda terbaru bagi bandar ini.

Selepas sidang akhbar berkenaan, wartawan dibawa melawat ke pusat pembangunan utama yang menempatkan pusat membeli-belah Sandakan Harbour Mall dan Four Points oleh Sheraton Sandakan hotel yang ketika ini pada fasa terakhir untuk disiapkan.

Projek SHS mengandungi empat fasa di mana central market dan lot-lot kedai iaitu fasa satu dan fasa kedua telah pun siap.

Pusat membeli-belah terletak di fasa ketiga manakala hotel fasa empat yang dijadualkan siap selewat-lewatnya bulan

depan dan Jun ini.



SIDANG AKHBAR ... Lai (duduk, tiga kiri) semasa bercakap kepada pemberita semasa sidang akhbar itu.



MENARIK ... Lai menunjukkan kepada media replika bangunan yang menunjukkan pusat pembangunan utama di SHS yang turut menempatkan sebuah pusat membeli-belah Sandakan Harbour Mall dan Hotel Sheraton Sandakan (Four Points).



PESAT ... Lai (tengah) dan mereka yang lain bergambar berlatarbelakangkan pusat pembangunan utama SHS.



MEMUKAU MATA MEMANDANG ... Projek Sandakan Harbour Square yang akan siap sepenuhnya pada pertengahan tahun ini.